

**NO. SOALAN: 429**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**RUJUKAN : 8040**

**SOALAN:**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang dibuat setiap tahun dari 2010 sehingga 2015 berkenaan kes curi motosikal dan pecah masuk rumah untuk setiap negeri dalam negara, dan daripada jumlah laporan tersebut, berapa kes-kes tersebut diselesaikan oleh polis.

**JAWAPAN:**

**Statistik kes kecurian motosikal dan kes pecah rumah merupakan kes penyumbang tertinggi dalam kes jenayah indeks di seluruh negara. Statistik kes kecurian motosikal dan pecah rumah bagi tahun 2010 sehingga tahun 2015 (Mac) dan yang berjaya diselesaikan seperti berikut:-**

**Jumlah Laporan Polis serta Kes Selesai Kecurian Motosikal Mengikut Negeri  
Tahun 2010-2015 (hingga Mac)**

BIL.	NEGERI	TAHUN 2010	(SELESAI) TAHUN 2010	PERATUS	TAHUN 2011	(SELESAI) TAHUN 2011	PERATUS	TAHUN 2012	(SELESAI) TAHUN 2012	PERATUS	TAHUN 2013	(SELESAI) TAHUN 2013	PERATUS	TAHUN 2014	(SELESAI) TAHUN 2014	PERATUS	TAHUN 2015	(SELESAI) TAHUN 2015	PERATUS
1	JOHOR	7,812	3,009	38.5	7,571	1,754	23.2	7,731	2,912	37.7	6,754	2,326	34.4	6,052	2,095	34.6	1,358	375	27.6
2	KEDAH	4,698	1,725	36.7	4,229	616	14.6	4,323	799	18.5	3,676	605	16.5	3,627	522	14.4	686	71	10.3
3	KELANTAN	2,776	815	29.4	2,575	1,284	49.9	2,646	1,082	40.9	2,668	1,148	43.0	2,283	905	39.6	606	286	47.2
4	KUALA LUMPUR	5,319	1,915	36.0	5,692	925	16.3	5,693	1,243	21.8	5,459	2,352	43.1	4,469	2,004	44.8	964	425	44.1
5	MELAKA	1,875	658	35.1	1,624	199	12.3	2,004	534	26.6	1,766	428	24.2	1,523	434	28.5	286	115	40.2
6	NEGERI SEMBILAN	1,960	806	41.1	1,494	274	18.3	1,503	227	15.1	1,342	257	19.2	1,202	242	20.1	252	60	23.8
7	PAHANG	2,196	715	32.6	2,092	506	24.2	2,176	959	44.1	2,219	1,172	52.8	2,106	974	46.2	388	170	43.8
8	PERAK	4,136	1,472	35.6	3,422	1,213	35.4	3,004	1,142	38.0	2,770	1,122	40.5	2,388	906	37.9	495	224	45.3
9	PERLIS	418	123	29.4	364	87	23.9	329	100	30.4	316	121	38.3	327	119	36.4	75	25	33.3
10	PULAU PINANG	4,282	1,862	43.5	3,776	304	8.1	3,601	633	17.6	3,365	1,409	41.9	2,969	1,381	46.5	639	247	38.7
11	SABAH	751	179	23.8	741	2	0.3	864	285	33.0	978	270	27.6	1,140	283	24.8	178	49	27.5
12	SARAWAK	3,017	1,250	41.4	2,992	105	3.5	2,568	903	35.2	3,100	1,130	36.5	2,680	1,110	41.4	729	136	18.7
13	SELANGOR	13,769	6,278	45.6	12,957	6,337	48.9	13,285	4,843	36.5	12,653	6,159	48.7	10,688	5,154	48.2	2,397	1,065	44.4
14	TERENGGANU	1,548	807	52.1	1,367	322	23.6	1,532	733	47.8	2,067	963	46.6	1,561	858	55.0	358	125	34.9
	<b>JUMLAH</b>	<b>54,557</b>	<b>21,614</b>	<b>39.6</b>	<b>50,896</b>	<b>13,928</b>	<b>27.4</b>	<b>51,259</b>	<b>16,395</b>	<b>32.0</b>	<b>49,133</b>	<b>19,462</b>	<b>39.6</b>	<b>43,015</b>	<b>16,987</b>	<b>39.5</b>	<b>9,411</b>	<b>3,373</b>	<b>35.8</b>

**Jumlah Laporan Polis serta Kes Selesai Pecah Rumah dan Curi Mengikut Negeri  
Tahun 2010 - 2015 (hingga Mac)**

BIL	NEGERI	TAHUN 2010	(SELESAI) TAHUN 2010	PERATUS	TAHUN 2011	(SELESAI) TAHUN 2011	PERATUS	TAHUN 2012	(SELESAI) TAHUN 2012	PERATUS	TAHUN 2013	(SELESAI) TAHUN 2013	PERATUS	TAHUN 2014	(SELESAI) TAHUN 2014	PERATUS	TAHUN 2015	(SELESAI) TAHUN 2015	PERATUS
1	JOHOR	2,741	1,491	54.4	2,598	645	24.8	2,219	840	37.9	1,798	876	48.7	1,603	836	52.2	322	152	47.2
2	KEDAH	2,035	900	44.2	1,753	254	14.5	1,537	307	20.0	1,499	202	13.5	1,305	213	16.3	331	51	15.4
3	KELANTAN	1,426	861	60.4	1,137	519	45.6	1,052	551	52.4	936	567	60.6	1,101	672	61.0	225	124	55.1
4	KUALA LUMPUR	4,682	2,153	46.0	3,480	1,410	40.5	2,838	1,571	55.4	2,506	1,684	67.2	2,118	1,506	71.1	444	239	53.8
5	MELAKA	1,073	721	67.2	1,025	100	9.8	820	380	46.3	684	235	34.4	543	176	32.4	134	34	25.4
6	NEGERI SEMBILAN	1,484	555	37.4	1,253	224	17.9	1,438	193	13.4	1,398	296	21.2	1,289	199	15.4	276	62	22.5
7	PAHANG	1,352	482	35.7	1,361	421	30.9	1,060	519	49.0	873	403	46.2	796	491	61.7	194	108	55.7
8	PERAK	1,911	754	39.5	1,640	493	30.1	1,470	681	46.3	1,176	645	54.8	1,201	557	46.4	223	83	37.2
9	PERLIS	163	81	49.7	212	92	43.4	168	59	35.1	111	40	36.0	118	53	44.9	18	12	66.7
10	PULAU PINANG	2,096	1,011	48.2	1,676	115	6.9	1,127	283	25.1	994	560	56.3	1,126	597	53.0	258	123	47.7
11	SABAH	2,337	922	39.5	1,897	2	0.1	1,717	825	48.0	1,665	913	54.8	1,377	735	53.4	297	108	36.4
12	SARAWAK	3,006	1,325	44.1	2,894	174	6.0	2,627	1,016	38.7	1,597	650	40.7	1,402	782	55.8	312	137	43.9
13	SELANGOR	9,739	4,113	42.2	8,422	3,898	46.3	6,337	3,316	52.3	7,742	3,841	49.6	6,184	3,394	54.9	1,365	704	51.6
14	TERENGGANU	1,007	511	50.7	852	257	30.2	529	331	62.6	338	194	57.4	419	224	53.5	82	30	36.6
	<b>JUMLAH</b>	<b>35,052</b>	<b>15,880</b>	<b>45.3</b>	<b>30,200</b>	<b>8,604</b>	<b>28.5</b>	<b>24,939</b>	<b>10,872</b>	<b>43.6</b>	<b>23,317</b>	<b>11,106</b>	<b>47.6</b>	<b>20,582</b>	<b>10,435</b>	<b>50.7</b>	<b>4,481</b>	<b>1,967</b>	<b>43.9</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**SOALAN : 430**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek menaik taraf terminal jeti Kuala Kedah yang dibiayai oleh Kerajaan, dan bilakah projek tersebut akan disiapkan.

**JAWAPAN:**

Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan satu Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Jeti Kuala Kedah dan Kuala Perlis dan kajian ini dijadual siap pada 31 Oktober 2015. Kajian ini antara lain bertujuan membuat penilaian ke atas keadaan semasa termasuk pelbagai isu seperti pemendapan di alur pelayaran dan seterusnya mengemukakan opsyen terbaik kepada Kerajaan dalam menyelesaikan isu berbangkit ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN : 431**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian berkenaan menaik taraf jeti penumpang di Kuala Kedah, khususnya persoalan-persoalan berikut:-

- a) nasib peniaga di dalam terminal jeti sekarang memandangkan perkhidmatan mereka juga akan terjejas berikutan projek naik taraf jeti penumpang tersebut; dan
- b) masalah air pasang yang membanjiri kawasan terminal.

## **JAWAPAN:**

Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan satu Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Jeti Kuala Kedah dan Kuala Perlis dan kajian ini dijadual siap pada 31 Oktober 2015. Kajian ini antara lain bertujuan membuat penilaian ke atas keadaan semasa termasuk pelbagai isu seperti pemendapan di alur pelayaran dan masalah air pasang yang membanjiri kawasan terminal seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan seterusnya mengemukakan opsyen terbaik kepada Kerajaan dalam menyelesaikan isu berbangkit ini.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bentuk bantuan khusus yang diberikan Kementerian untuk pasar-pasar besar di seluruh negara. Berapa banyak peruntukan yang diberikan untuk Pasar Besar Alor Setar dari Bajet 2015 dan untuk kegunaan apa.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada bantuan khusus disediakan kepada mana-mana pasar besar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, di bawah projek pembangunan sosio-ekonomi, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada menyediakan peruntukan untuk pembinaan pasar baru atau menaik taraf pasar sedia ada bergantung kepada keperluan dan permintaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemimpin tempatan (*local leader*).

Untuk PBT Alor Setar, bagi tahun 2015 tiada peruntukan khusus disediakan kepada pasar di Alor Setar. Tetapi bagi tahun 2012 - 2014, sejumlah RM7,463,641 telah diperuntukkan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) untuk membina dan menyiapkan sebuah pasar dan kompleks perniagaan di atas Lot 8434 dan Lot 193, Mukim Derga, Jalan Sultan Abdul Halim, MBAS, Kedah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jun 2015

**SOALAN ( 433 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pelan pembangunan pekan Kuala Kedah. Apakah usaha naik taraf pekan Kuala Kedah ini berjalan sebagaimana dirancang.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah menyediakan kajian Rancangan Tempatan Kuala Kedah 2002 dan Rancangan Tempatan Daerah Kota Setar (RTD Kota Setar) yang mana Rancangan Tempatan (RT) ini telah diwartakan pada tahun 2011.

Kajian ini melibatkan perancangan pembangunan di Daerah Kota Setar termasuk Kuala Kedah di mana perubahan terhadap RTD Kota Setar telah mengambil kira trend pembangunan semasa serta dasar Kerajaan Negeri yang turut merangkumi pembangunan kawasan di Kuala Kedah.

Usaha menaik taraf Pekan Kuala Kedah adalah berjalan mengikut sebagaimana yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Kedah yang telah menyediakan sebuah plan komprehensif pembangunan bagi menaik taraf

Pekan Kuala Kedah. Untuk maklumat lanjut, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk perkara ini kepada Kerajaan Negeri Kedah selanjutnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015